

**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)**

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org.my / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung

Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK

KENYATAAN AKHBAR

Kepada : Ketua Pengarang
Semua Akhbar dan Media Tempatan

Daripada : Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK
Setiausaha Agung
NUTP


Telefon Bimbit : 012-6358065

Tarikh :

REPORT CARD : SATU PENGHARGAAN KEPADA YB MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

1. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) mewakili 230,000 (dua ratus tiga puluh ribu) orang ahli ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia atas kesudian beliau mengadakan beberapa kali perjumpaan dengan kepimpinan NUTP bagi mendengar suara-suara guru daripada akar umbi.
2. Sebagai sebuah kesatuan guru yang menjaga kebajikan guru, pihak NUTP amat berpuas hati dengan sikap terbuka beliau yang bersungguh-sungguh ingin membantu warga guru dalam isu beban tugas guru, isu sekolah daif, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) serta menggubal SOP keselamatan dan kebajikan guru ketika membawa murid keluar sekolah bagi menghadiri program rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Semasa perjumpaan antara YB Dr. Maszlee bin Malik dengan kepimpinan NUTP pada 9 Julai 2018 di Pejabat Menteri Pendidikan, pihak NUTP telah menyuara dan mengemukakan sebanyak **41 Isu dan Cadangan Penyelesaian Masalah Pendidikan di Malaysia yang banyak didominasi isu beban tugas guru** untuk perhatian dan tindakan beliau. YB Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia telah memberikan sepenuh sokongan, komitmen serta keprihatinan yang tidak berbelah bahagi terhadap isu-isu yang dikemukakan oleh NUTP.

.../2/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org.my / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Aminuddin Bin Awang


Setiausaha Agung

Lf. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK

-2-

4. Susulan daripada penyerahan 41 isu tersebut, beberapa sesi libat urus di antara pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan NUTP telah diadakan. Sesi-sesi libat urus ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Komitmen tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia dapat dilihat melalui penglibatan semua bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memberi maklum balas terus terhadap isu- isu yang dikemukakan oleh pihak NUTP.
5. Tindakan segera dan proaktif yang diambil oleh YB Menteri Pendidikan terutama dalam menangani isu beban tugas guru telah memberikan keyakinan kepada pihak NUTP bahawa pemilihan beliau sebagai Menteri Pendidikan adalah tepat. Jika merujuk kepada usaha penyelesaian isu-isu yang dikemukakan tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan agar penyelesaiannya dibuat secara berfokus dan berperingkat seperti berikut:
 - i) **Cadangan yang dijangka dapat dilaksanakan dalam Jangka Masa Pendek**
 - ii) **Cadangan yang dijangka dapat dilaksanakan dalam Jangka Masa Sederhana**
 - iii) **Cadangan yang dijangka dapat dilaksanakan dalam Jangka Masa Panjang**
6. Atas arahan YB Menteri Pendidikan, semua bahagian-bahagian di KPM yang dijemput semasa sesi libat telah memberikan perhatian penuh akan permasalahan akar umbi yang dibawa oleh NUTP. Hasil pertama sesi libat urus antara pihak NUTP dengan Kementerian Pendidikan Malaysia ialah pengumuman lima (5) inisiatif dalam mengurangkan beban tugas guru oleh YB Menteri Pendidikan semasa amanat tahun baharu 2019 yang dilaksanakan dalam Jangka Masa Pendek iaitu:

.../3/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org.my / nutpha@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung

Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK

-3-

- i) Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi dalam pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), fail panitia dan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)
- ii) Pengurusan data dan sistem online boleh diambil daripada sumber data sedia ada di dalam sistem KPM, selain menggunakan sepenuhnya Sistem Kehadiran Murid dalam talian tanpa perlu mengisi buku
- iii) Pihak sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan Literasi dan Numerasi (Linus) yang bersesuaian dengan keperluan murid
- iv) Penyeragaman borang dan proses pemantauan
- v) Penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

Hal ini bermakna sebanyak 18 isu yang dibangkitkan oleh NUTP telah diselesaikan, 11 isu masih didalam rundingan dan 12 isu lagi belum diselesaikan.

7. Sekali lagi, pihak NUTP ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas komitmen, kerjasama dan "dasar buka pintu" kepada NUTP yang diberikan oleh YB Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia dalam menyelesaikan permasalahan guru. Impak positif nanti ialah guru-guru dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan lebih baik sehingga melahirkan masyarakat Malaysia yang berintegriti tinggi serta melonjakkan mutu pendidikan di Malaysia ke tahap yang lebih cemerlang dan disegani diperingkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

AMINUDDIN BIN AWANG
PRESIDEN NUTP

LT. KOL. BERSEKUTU (PA) HARRY TAN HUAT HOCK, PJK
SETIAUSAHA AGUNG NUTP

**ISU & CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH-MASALAH PENDIDIKAN DI MALAYSIA.
MAKLUM BALAS / TINDAKAN:**

NO	ISU	MAKLUM BALAS
1.	Dasar TVET Negara	YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Memberi Perhatian Penuh Dan NUTP Dilantik Ke Task Force Khas TVET Untuk Mencari Jalan Penyelesaian
2.	Penutupan IPG Dan Penyuraian Pensyarah	Tiada IPG Yang Ditutup Tetapi Diberi Tanggungjawab Berlainan Dan Seterusnya Tidak Mendatangkan Gangguan Kepada Pensyarah- Pensyarah Di IPGM
3.	SKPMg2 - Beban Kerja / Penduaan	Pihak NUTP Telah Diberi Peluang Untuk Mengadakan Sesi Libat Urus Bersama Dengan Pihak Nazir, Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti (JNJK). Pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) Adalah Dalam Bentuk Dokumen Digital (<i>Soft Copy</i>) bukan <i>Hard Copy</i> Dimana Tidak Perlu Mencetak Dokumen
4.	PT Rintis	<ul style="list-style-type: none"> - Isu PT Rintis Berkaitan Dengan Isu Kerja-Kerja Yang Tidak Relevan Atau Kerja Pengisian Data, Borang-Borang Perpustakaan. - Mereka Membantu Guru Dan NUTP Mengucapkan Terima Kasih Kepada YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Kerana Mereka Masih Dapat Berkerja, Walaupun Sebagai Pekerja Sambilan Harian Dari Tahun 2013 Sehingga 30 Jun 2019
5.	Kolej Komuniti / Politeknik	Pihak NUTP Telah Mengadakan 3 Kali Sesi <i>Engagement</i> Bersama Dengan Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) Untuk Menyelesaikan 30 Isu Yang Dikemukakan Oleh Pihak NUTP
6.	Kolej Matrikulasi	<ul style="list-style-type: none"> - Kolej Matrikulasi Diberi Perhatian Oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan. Peningkatan Kemasukan Pelajar Ke Program Matrikulasi KPM Kepada 40,000 Dari 25,000 - NUTP Juga Mengadakan Sesi Urus Libat Dengan Bahagian Matrikulasi
7.	Kod Etika Ibu Bapa / Penjaga	Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018 – Kod Etika Ibu Bapa / Penjaga Ketika Berurusan Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia

8.	Beg Sekolah Berat	<p>1. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2018 - Panduan Menangani Isu Beg Berat Murid Di Sekolah</p> <p>2. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 14 Tahun 2018 - Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun Murid Tahap 1 (Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3) Di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 2019</p>
9.	Isu-Isu Pendidikan Di SJKC – Kelas Komputer	Selesai
10.	Isu-Isu Pendidikan Di SJKT – Kekurangan Guru	YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Berusaha Untuk Mendapatkan Peruntukan Kewangan dan Juga Meningkatkan Pengambilan Guru Opsyen Bahasa Tamil
11.	Penggunaan Gajet Teknologi Di Sekolah	Selesai - Murid-Murid Tidak Dibenarkan Membawa Gajet Ke Sekolah
12.	Pemasangan Alat Rakaman CCTV Di Bilik Guru	Masih Dalam Perbincangan
13.	Master/ PhD	NUTP Berurusan Dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Disokong Oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan
14.	Lantikan Dua Status	NUTP Berurusan Dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Disokong Oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan
15.	Penambahbaikan PBPPP	<ul style="list-style-type: none"> - NUTP Berurusan Dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Disokong oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan - Surat Rujukan KPM.BPSM.S.500-1/2/52 Jilid 3 (39) bertarikh 29 April 2019 dilampirkan
16.	<p>Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP)</p> <p>16.1 Mewujudkan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP)/ <i>Occupational Safety & Health (OSH)</i> Di Kolej Vokasional</p> <p>16.2 Sekolah Tanpa Pagar/ Pondok Pengawal</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Belum Mengadakan Sesi <i>Engagement</i> - Selesai

17.	Ketidakpatuhan Kepada Surat Siaran KPM - Isu Kerja Hari Sabtu	Kementerian Pendidikan Malaysia Telah Mengambil Tindakan Terhadap Mana-Mana Institusi Yang Tidak Mematuhi Surat Siaran Bilangan 2 Tahun 2016 - Peringatan Pelaksanaan 5 Hari Bekerja Seminggu
18.	Sekolah Sukan - Beban Kerja Guru	Belum Mula Berunding
19.	Dialog Prestasi	Masih Dalam Perbincangan
20.	Sekolah Rancangan Khas	Belum Mula Berunding
21.	Sekolah Agama - Kekurangan Guru	Belum Mula Berunding
22.	Sekolah Amanah	Surat Keputusan Daripada Jemaah Nazir, Kementerian Pendidikan Malaysia Dilampirkan
23.	Sekolah Kluster	Belum Mula Berunding
24.	Sekolah Berprestasi Tinggi	Belum Mula Berunding
25.	Sekolah Wawasan	Belum Mula Berunding
26.	SK Sepatutnya Menjadi Sekolah Tumpuan	Belum Dijemput Untuk Berbincang
27.	Kaji Semula Subjek Bagi Sekolah Rendah	Belum Dijemput Untuk Berbincang
28.	VLE Frog	Selesai
29.	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	Selesai
30.	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS)	Selesai
31.	Kedudukan Dalam Keputusan PISA/TIMSS	Selesai
32.	Pertukaran Guru Duka Lara	Selesai
33.	Kekurangan Guru Bahasa Inggeris	Belum Berbincang
34.	Kekurangan Guru Ganti	Selesai
35.	Isu Lantikan SISC+ dan SIP+	Belum Dijemput Untuk Berbincang
36.	Mengajar Mengikut Opsyen/Kepekaran	Belum Dijemput Untuk Berbincang
37.	Pendidikan Khas	Dalam Proses, Belum Ada Penyelesaian

38.	Kekurangan Peralatan Komputer Dan Capaian Jalur Lebar Terlalu Perlahan Di Sekolah	Dalam Proses Penyelesaian Berkaitan Dengan Isu Kontrak Dan Bajet
39.	Kekurangan Penyelenggaraan	Dalam Proses Penyelesaian Berkaitan Dengan Isu Kontrak Dan Bajet
40.	Pelaksanaan PdP Di Bilik Darjah	Dalam Proses Penyelesaian Berkaitan Dengan Isu Kontrak Dan Bajet
41.	Rayuan Agar Meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262) para 27-3 (a) (i) Kerana Menyekat/ Menghadkan Kebebasan Hak Asasi Pegawai Awam Gred DG48, DG52 Dan DG54 Untuk Menyertai Dan Memegang Jawatan Dalam Kesatuan	Masih Dalam Perbincangan